

# Penuntut antarabangsa UTHM hulur bantuan tenaga

**BATU PAHAT 15 Jan.** - Bencana banjir yang melanda beberapa buah negeri terutama di Pantai Timur baru-baru ini bukan sahaja menjadi tumpuan rakyat negara ini, malah sekumpulan penuntut antarabangsa di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini turut menghulurkan bantuan tenaga bagi melakukan kerja-kerja pembersihan di Gua Musang, Kelantan.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, penuntut berasal dari Indonesia, Yemen, Nigeria dan Libya adalah antara ratusan sukarelawan menyertai misi pembersihan di sekolah di jajahan itu yang terjejas teruk.

Menurutnya, biarpun berbeza bahasa, mahasiswa tersebut cepat membiasakan diri dengan berinteraksi dengan penduduk setempat sekali gus menunjukkan kesungguhan masing-masing dalam aktiviti gotong-royong tersebut.

“Selain itu, mereka turut me-



**BEBERAPA** penuntut antarabangsa UTHM membersihkan lumpur di sebuah sekolah di Gua Musang, Kelantan, baru-baru ini.

nyertai kumpulan sukarelawan mengedarkan sumbangan barang keperluan, termasuk makanan dan

bekalan gas dari rumah ke rumah,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.